

03/09/2002

Ops Nyah II tidak akan dihentikan

KOTA KINABALU, Isnin - Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, hari ini menegaskan operasi penahanan pendatang tanpa izin Filipina di negeri ini tidak dihentikan atau ditangguh sementara.

Beliau berkata, keputusan penangguhan yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu hanya membabitkan proses penghantaran pulang pendatang dari negara jiran itu.

Katanya, Ops Nyah II Bersepadu yang sedang dijalankan di seluruh negeri ketika ini masih diteruskan seperti biasa.

"Pendatang Filipina yang didapati tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan sah akan tetap ditahan dan kemudian ditempatkan sama ada di lokap polis atau pusat tahanan sementara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah di Teluk Likas, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjelaskan kekeliruan berhubung keputusan penangguhan itu. Difahamkan, ada segelintir pihak di negeri ini menyifatkan arahan itu turut meliputi operasi Ops Nyah II Bersepadu.

Selain Filipina, operasi ini turut membabitkan penahanan dan penghantaran pulang rakyat Indonesia yang dikesan masuk dan menetap di negeri ini secara haram.

Chong juga mengesahkan kerajaan negara ini tidak lagi bertanggungjawab terhadap nasib 400 pendatang Filipina yang ditempatkan di dua kapal perang negara itu di Sandakan, susulan keputusan penangguhan penghantaran itu.

Beliau berkata, kebajikan pendatang terbabit kini menjadi tanggungjawab negara ini.

Ketua Penolong Pengarah Pasukan Petugas Khas Persekutuan, Asisten Komisioner Sidin Karim, sebelum ini dilaporkan berkata lebih 400 pendatang Filipina yang ditempatkan di kapal San Juan dan DRP Baculod sepatutnya berlepas Sabtu lalu dari Sandakan, tetapi ditangguhkan berikutan arahan terbaru Kerajaan Pusat itu.